

PERANAN JHEAINS (KOTA BELUD) DALAM MENJALANKAN AKTIVITI DAKWAH KEPADA GOLONGAN SAUDARA BARU- SATU PENGENALAN¹

Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar,
Abu Dardaa Mohamad, Nur A'thiroh Masyaa'il Tan, Zawani Ikoh

PENGENALAN

Usaha untuk memperkasa gerakan dan kegiatan dakwah Islamiah di Sabah merupakan suatu usaha yang murni dan sangat besar bagi sesebuah badan dakwah. Semenjak Islam mula diperkenalkan, pengajian, bimbingan dan panduan ajaran agama Islam telah disampaikan dan dikendalikan oleh para alim ulama dan pendakwah pada masa itu. Zaman sebelum dan selepas penjajahan, bentuk perkembangan dan pengajaran agama Islam adalah hasil dari usaha dan inisiatif mereka. mereka mendidik generasi muda masa itu dengan pengajian al-Quran, penulisan jawi, kuliah fardhu ain dan termasuk pengajaran tentang asas aqidah Islam iaitu tauhid. Dalam masa itu juga, tokoh-tokoh Islam yang terawal telah mengorbankan sebahagian daripada masa hidup mereka dengan mengajar dan menjalankan aktiviti keislaman. Antara mereka yang terkenal ialah:

- i) Tunku Said Muhammad Ibni Tuanku Said Muhammad Shahbudin (M. 1943). Bergiat menjalankan dakwah Islamiah di Pulau Labuan.
- ii) Tuan Imam Haji Yaakub bin Haji Ali, beliau telah berhijrah ke Sabah pada tahun 1913 dan bermastautin di Kampung Air atau api-api iaitu Jesselton dan berdakwah di kalangan penduduk Putatan, Kinarut, Kawang dan Papar.
- iii) Al-Marhum Tuan Imam Haji Muhammad Suhaili bi Hj. Yaakub. Yang pernah menyumbang tenaga sebagai imam di Kota Kinabalu lebih dari 16 tahun serta menyebarkan dakwahnya dalam bentuk syarahan mahupun tulisan.
- iv) Al-Marhum Haji Muhammad Zaini Palembang (M. 19947) yang mana telah bergiat mengajar agama Islam di kawasan meliputi Kota Belud, Kota Marudu, Kudat dan Ranau.

Ternyata sumbangan para ulama dan pendakwah sebelum ini tidak sia-sia. Kesedaran yang dibawa telah menembusi batas-batas halangan penjajahan. Semangat yang telah dibawa oleh mereka telah menimbulkan semangat perjuangan dalam diri orang-orang Islam di Sabah yang mana ingin melihat wadah perjuangan Islam yang lebih mantap dan teguh. Hasilnya ialah tertubuhnya persatuan-persatuan dakwah yang mana semuanya

¹ Kertas kerja yang dibentangkan di dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 20-21 November 2014

mempunyai matlamat yang tersendiri demi Islam di Sabah untuk diperjuangkan (Ismail Mat 1989:70-71).

Kemunculan badan-badan dakwah ini memerlukan penyusunan yang rapi dan mengambil kira pandangan dan sumbangan fikiran dari saudara-saudara pendakwah yang lain dan dalam pengajaran agama pula, para pendakwah perlu kepada pengajaran yang sumber-sumbernya diperolehi daripada sumber yang boleh diterima.

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bermula pada 1 Januari 1996. Sebelum itu, Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Sabah dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Tugas dan tanggungjawab yang dikendalikan oleh MUIS telah dibahagikan kepada tiga (3) buah agensi yang telah dijabatankan iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Kemuftian dan Jabatan Kehakiman Syariah.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) merupakan agensi Jabatan Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Ketua Menteri, Sabah. JHEAINS ditubuhkan melalui Kertas Kabinet Bil.25/95, RCC.101/469 Jld.3, 11 Ogos 1994 bagi melaksanakan dasar-dasar Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS). Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS) adalah berfungsi menggubal dasar dan polisi berkaitan pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Sabah dan mengawasi pelaksanaan dasar berhubung dengan pentadbiran keadilan. Selain itu, MUIS berfungsi menasihati Yang DiPertua Negeri dalam perkara-perkara tertentu yang disebut dalam Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah No. 5 Tahun 2004 dan Enakmen-enakmen lain yang berkaitan.

Rasional penubuhan JHEAINS adalah selaras dengan peranannya sebagai agensi pelaksana dan penguatkuasa bagi MUIS berdasarkan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah 1992 dan kemudiannya diubah kepada Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah No.5 tahun 2004.

Tanggungjawab utamanya ialah melaksanakan polisi-polisi yang digubal oleh MUIS, menguatkuasakan undang-undang Islam berkaitan kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian dan rujuk serta nafkah dan penjagaan, pengawalan sekolah-sekolah agama Islam, kesalahan-kesalahan jenayah syariah, mengurus tadbir pembinaan, penyelenggaraan dan pengimarahkan masjid/surau, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti dakwah dan perkara-perkara lain berhubung dengannya serta meneruskan tugas dan tanggungjawab melaksanakan perkhidmatan sebelum ini dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengarah yang dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah disamping beberapa orang Ketua Penolong Pengarah (KPP), dan pegawai staf yang berbagai-bagai jawatan dan pangkat. Jabatan ini juga ditubuhkan di setiap daerah di

seluruh Sabah untuk memudahkan penduduk untuk merujuk sekiranya ada sebarang permasalahan termasuklah juga di Kota Belud.

STATISTIK PENGISLAMAN BAGI TAHUN 2010 DAN 2011 DAERAH KOTA BELUD

Laporan statistik berdasarkan laporan tahunan JHEAINS Kota Belud menyatakan bahawa pada setiap bulan kemasukan masyarakat bukan Islam kepada Islam adalah meningkat. Namun, peningkatan itu tidak memberangsangkan. Masyarakat dari suku kaum yang berbangsa Dusun/kristian dan Pagan adalah kebanyakannya yang memeluk agama Islam.

Mereka yang memeluk agama Islam ini adalah dengan kerelaan hati mereka sendiri tanpa adanya paksaan. Akan tetapi Ada di kalangan mereka yang memeluk agama Islam adalah disebabkan oleh inginkan perkahwinan. Ini merupakan satu usaha yang baik bagi seorang pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga bersama mereka yang bukan beragama Islam, namun begitu risikonya amatlah tinggi. Mereka perlukan banyak bimbingan dan kekuatan diri untuk terus istiqamah dalam menjalani kehidupan seharian berlandaskan kepada ajaran Islam yang sebenarnya.

Selain daripada itu juga, ada dikalangan masyarakat yang memeluk agama Islam adalah disebabkan inginkan dana yang telah diperuntukkan oleh pihak yang berwajib terhadap golongan ini setiap bulan. Ini adalah mereka-mereka yang benar-benar kesusahan, mempunyai anak yang ramai dan tinggal di pedalaman yang mana jauh daripada bandar. Oleh disebabkan itulah mereka memeluk agama Islam hanya kerana inginkan bantuan untuk menyara kehidupan keluarga.

Jadual di bawah menunjukkan statistik pengislaman bagi penduduk daerah Kota Belud bagi dua tahun pengislaman iaitu tahun 2010 dan tahun 2011 yang mana penduduk yang tinggal di daerah Kota Belud ini telah mendaftarkan diri di JHEAINS untuk mengesahkan mereka adalah segolongan daripada penduduk yang telah memeluk agama Islam.

Jadual 1.0 Statistik Pengislaman Tahun 2010 dan 2011 Daerah Kota Belud

BIL.	BULAN	SUKU/KAUM	TAHUN 2010	TAHUN 2011
1	Januari	Kadazan/Dusun Lundayu/Murut Cina	6	5 2 1
2	Febuari	Kadazan/Dusun	3	2
3	Mac	Kadazan/Dusun Indonesia	8	6 1
4	April	Kadazan/Dusun Rungus	2 3	5 1
5	Mei	Kadazan/Dusun Lain-lain	4 4	5

6	Jun	Kadazan/Dusun Cina Indonesia	6	5 1 1
7	Julai	Kadazan/Dusun Lundayu/Murut Indonesia	3 1	5 2
8	Ogos	Kadazan/Dusun Iban Filipina Lain-lain	1 1 2	2 3
9	September	Kadazan/Dusun Rungus Iban Lain-lain	4 1	6 1 1
10	Oktober	Kadazan/Dusun Lundayu/Murut Filipina Iban	5 1 1	3 1 1
11	November	Kadazan/Dusun	4	6
12	Disember	Kadazan/Dusun India	2 1	3
JUMLAH			63 orang	69 orang

Sumber : Laporan Perancangan Aktiviti JHEAINS Kota Belud 2010 dan 2011

AKTIVITI DAKWAH YANG DIJALANKAN JHEAINS KOTA BELUD

Menurut laporan yang telah disediakan oleh JHEAINS Kota Belud, terdapat sembilan program yang telah dirancang oleh unit amal dakwah JHEAINS. Di antaranya ialah:

1) Kursus pemantapan akidah

Kursus Pemantapan Akidah merupakan satu program yang bertujuan untuk memberi pendedahan asas dan cara membanteras amalan khurafat dan penyelewengan akidah umat. Selain itu, ianya adalah untuk menanam kefahaman dan akidah yang sebenar dalam diri masyarakat. Kursus ini dilaksanakan adalah untuk menyemarakkan dakwah dan tarbiah di samping mampu menjadi wahana untuk membentuk akidah yang murni dalam setiap individu dan masyarakat sekaligus dapat membendung ajaran-ajaran sesat dan amalan khurafat yang berleluasa dalam masyarakat kita pada hari ini.

2) Seminar Belia Berwawasan

Program ini adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi tugas dakwah kepada khususnya golongan belia yang mana berisiko tinggi terlibat dalam kegiatan sosial yang tidak bermoral. Oleh sebab itu program ini dijalankan untuk memberi pendedahan kepada mereka agar dapat menjaga diri fizikal dan mental supaya menjadi golongan yang berwawasan dengan sentiasa menanam nilai-nilai murni dalam diri untuk menempuh cabaran masa hadapan dan akhirnya dapat meningkatkan kemahiran dalam diri dan boleh merancang aktiviti yang berkualiti untuk masyarakat serta sentiasa berfikiran lebih jauh dengan melihat kepada peluang yang ada.

3) Kursus Pengurusan Jenazah

Kursus ini adalah program yang berhubungkait dengan pengurusan dan pengetahuan yang bersangkutan dengan cara untuk menguruskan jenazah. Kursus ini juga adalah untuk memberikan pendedahan, pengetahuan dan pengalaman kepada masyarakat tentang cara yang betul menurut Islam untuk menguruskan jenazah. Kursus ini juga dilaksanakan agar masyarakat dapat melahirkan sifat keberanian dalam diri serta disamping dapat menambahkan ilmu pengetahuan, masyarakat juga mengaplikasikannya untuk melancarkan proses pengendalian jenazah yang mana dalam kehidupan ini mati itu adalah pasti akan dilalui oleh semua orang.

4) Ziarah Kariah

Program ini adalah untuk memperluaskan tugas dakwah disamping mengajak umat Islam dan bukan Islam untuk menghayati Islam dengan pengisian Ilmu. Program ini dijalankan untuk mendekati masyarakat setempat dengan cara menziarahi mereka serta memberikan ilmu pengetahuan yang berguna kepada mereka. Disamping itu, program ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama Islam dan bukan Islam dan sentiasa untuk mendekati masyarakat untuk mengetahui permasalahan mereka dalam kehidupan ini.

5) Kursus Penghayatan Islam

Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman terhadap akidah Islam dan melahirkan rasa tanggungjawab memelihara kesucian Islam. Ianya juga adalah untuk menjelaskan keindahan Islam dalam membina individu yang betaqwa, berilmu, beriman dan beramal soleh dan akhirnya boleh melahirkan seorang insan yang mampu seimbangkan tuntutan rohani dan jasmani.

6) Bengkel Kepimpinan Generasi Pendakwah

Program ini adalah satu pendekatan yang terbaik kepada golongan remaja supaya mereka tidak terjebak dengan perkara-perkara negatif. Ini merupakan satu bimbingan yang baik sebagai satu transformasi untuk menarik mereka menjadi insan yang berguna di mata masyarakat dan realitinya perlaksanaan dakwah yang berkesan merupakan isu yang sangat

besar untuk terus dibicarakan. Justeru itu, dakwah perlu diteruskan dan digerakkan melalui asas metodologi dakwah dan teknik yang bersesuaian dan bersifat semasa.

7) Seminar Ibumama Mithali

Seminar ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para ibumama dengan ilmu-ilmu keibumamaan dan realiti sebenar tentang konsep kekeluargaan Islam yang bahagia di dunia dan akhirat. Ianya juga adalah untuk membimbing ibumama menjadi pemimpin keluarga yang berwibawa dan bertanggungjawab dengan melahirkan keluarga yang harmoni dan bahagia serta melahirkan ibumama yang sentiasa bersikap penyayang seterusnya membentuk sahsiah keluarga yang diredhai Allah S.W.T.

8) Kelas bimbingan saudara baru (Kelas Fardhu Ain dan Membaca Al-Quran)

Program ini merupakan program yang dilaksanakan untuk memantapkan kefahaman dan kelancaran masyarakat terutama sekali dalam pembacaan ayat suci Al-Quran dan fardhu ain yang mana mereka kurang diberi perhatian. Menurut penelitian penulis mendapati bahawa golongan saudara baru dan golongan ibu-ibu yang banyak memperbetulkan bacaan mereka demi untuk memantapkan diri mereka untuk beribadah dengan baik kepada Allah S.W.T.

9) Program Konvensyen Pembangunan Saudara Kita Peringkat Negeri Sabah

Program ini adalah bertujuan untuk membenteng kertas kerja yang berkaitan dengan peranan agama dalam kehidupan muslim yang sebenarnya. Ini akan memberikan semangat dan dorongan yang kuat kepada saudara-saudara baru bila melihat rakan-rakan yang lain mahupun pihak yang terlibat hebat-hebat dalam menyampaikan ilmu yang telah dipelajari untuk disampaikan dengan baik kepada mereka. Ini juga merupakan satu penghargaan kepada saudara baru untuk mereka terus istiqamah dengan ajaran Islam yang indah dan sempurna ini yang mana Islam adalah satu agama yang terbaik tidak membebankan umat seluruhnya dalam semua perkara sama ada dari segi ibadah akidah dan akhlak. Islam sentiasa memberikan kebahagiaan dalam kehidupan manusia di dunia mahupun di akhirat kelak.

Berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JHEAINS Kota Belud, setelah diteliti, penulis mendapati bahawa hampir setiap tahun dalam laporan perancangan aktiviti Dakwah JHEAINS Kota Belud adalah perancangan aktiviti yang sama dalam menjalankan dakwah kepada masyarakat sekeliling.

Pendedahan aktiviti-aktiviti dakwah ini merupakan satu aktiviti dakwah yang sangat baik untuk memantapkan lagi ajaran Islam dalam diri sebenar masyarakat supaya mereka dapat menghayati dan memahami pengertian sebenar ajaran Islam sepertimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Akan tetapi, daripada aktiviti-aktiviti ini ianya boleh diperkembangkan lagi supaya masyarakat tidak berasa bosan dengan didedahkan kepada aktiviti yang sama setiap tahun.

Menurut Ab Aziz Mohd Zin menyatakan bahawa dakwah di Malaysia sekarang hendaklah dilakukan dalam bentuk ke-malaysiaan, iaitu berlandaskan masyarakat Malaysia dan suasana Malaysia yang mungkin ada beberapa perbezaan dengan lain-lain tempat (Ab Aziz Mohd Zin 1999).

Keberkesanan aktiviti dakwah itu dilihat menerusi pengisian di dalam program tersebut, pemilihan golongan sasaran yang tepat bagi program yang diwujudkan, isi kandungan yang menepati objektif program serta metodologi yang digunakan oleh pendakwah. Elemen-elemen ini penting untuk menjamin keberkesanan sesuatu dakwah (Suzannah Binti Nilam 2005:33).

KESIMPULAN

Hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan daripada temubual yang telah dilaksanakan, penulis mendapati bahawa aktiviti dakwah yang dijalankan oleh JHEAINS Kota Belud merupakan merupakan aktiviti yang baik, namun perlu kepada penambahbaikan dan dari segi dana pula, bagi pandangan penulis sendiri, JHEAINS Kota Belud merupakan satu agensi yang sangat memerlukan dana yang besar untuk menjalankan aktiviti dakwah ke seluruh pelusuk kawasan pedalaman di daerah Kota Belud.

Usaha yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai JHEAINS Kota Belud sendiri menunjukkan satu usaha yang sangat baik untuk membantu meningkatkan, memantapkan lagi Islam di dalam diri masyarakat terutamanya golongan saudara baru yang memerlukan perhatian yang lebih daripada golongan yang berwajib seperti JHEAINS dan badan-badan NGO yang lain.

Oleh yang demikian, JHEAINS perlu memainkan peranan yang sangat penting di daerah Kota Belud yang mempunyai banyak onak dan duri dari golongan masyarakatnya yang pelbagai suku dan kaum. Kesabaran dan ketabahan hati, kecekalan minda perlu dikuatkan bagi mereka yang sentiasa menggerakkan dakwah Islamiah kepada seluruh masyarakat.

RUJUKAN

- Ab.Aziz Mohd Zin. 1999. *Pengantar Dakwah Islamiyah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin et al. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail Mat. 1989. *Islam di Brunei, Sarawak dan Sabah*. Kuala Lumpur : Penerbit Asiana.
- Laporan Unit Dakwah JHEAINS. 2010-2011. Perancangan Aktiviti Dakwah JHEAINS Negeri Sabah Daerah Kota Belud.
- Mokhtar Ramli.1988. *Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah*. Kajang : Aras Mega Sdn Bhd.
- Muddin beting, Abdul Manap Mahmud, Ahmad Suman dan Amin Senin. 2002. *Da'wah dalam Pembangunan Negeri Sabah*. Selangor: Aras Mega(M) Sdn Bhd.
- Muhiddin Yusin. 1990. *Islam Di Sabah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Suzanah Binti Nilam. 2005. Sumbangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah : Kajian Mengenai Aktiviti Dakwah Dan Permasalahan. Tesis S. P. I, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.